

## BAB 2 PENYERTAAN PENJELASAN SEKSYEN AM

### 2.1 PENERIMAAN MASUK PESERTA PENJELASAN

- (a) Pemohon untuk penerimaan masuk sebagai Peserta Penjelasan hendaklah memohon secara bertulis menggunakan borang sedemikian atau borang-borang sebagaimana yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan dari semasa ke semasa.
- (b) Pada bila-bila masa selepas penerimaan permohonan dan sebelum akhirnya menentukannya, Pusat Penjelasan boleh meminta pemohon itu untuk memberikan maklumat tambahan, sama ada yang berkaitan secara langsung dengan pemohon tersebut atau tidak, yang pada pendapat Pusat Penjelasan adalah, atau boleh menjadi material dalam pertimbangannya terhadap permohonan tersebut.
- (c) Selain itu, Pusat Penjelasan boleh mempertimbangkan apa-apa maklumat lain yang dianggapnya sesuai yang berkenaan dengan pemohon itu yang mungkin akan dimilikinya atau diketahuinya.
- (d) Pusat Penjelasan boleh, apabila meluluskan sesuatu permohonan, mengenakan keperluan atau syarat lain ke atas pemohon tersebut, sebagaimana yang dianggapnya perlu.

### 2.2 KATEGORI PESERTA PENJELASAN

- (a) Peserta Penjelasan akan dikategorikan seperti yang berikut:
  - (i) Peserta Penjelasan Perdagangan; atau
  - (ii) Peserta Penjelasan Bukan Perdagangan
- (b) Melainkan dinyatakan secara khusus sebaliknya sebagai (i) atau (ii) di atas, perkataan "Peserta Penjelasan" di bawah Kaedah-kaedah ini hendaklah merujuk kedua-dua Peserta Penjelasan Perdagangan dan Peserta Penjelasan Bukan Perdagangan.

### 2.3 KATEGORI PESERTA PENJELASAN YANG SELANJUTNYA

Pusat Penjelasan boleh dengan memberikan notis dari semasa ke semasa menetapkan kategori selanjutnya Peserta Penjelasan dengan hak dan obligasi yang sedemikian sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Pusat Penjelasan.

### 2.4 HAK DAN OBLIGASI PESERTA PENJELASAN

Setiap kategori Peserta Penjelasan hendaklah mempunyai hak dan obligasi sebagaimana yang ditetapkan dalam Kaedah-kaedah dan/atau Perjanjian, sekiranya terpakai, dan Pusat Penjelasan boleh, mengubah hak dan obligasi yang disertakan dengan setiap kategori Peserta Penjelasan, dengan memberikan notis dari semasa ke semasa.

## 2.5 KRITERIA AM UNTUK PENERIMAAN MASUK

- (a) Selain daripada kriteria khusus yang ditetapkan dalam Kaedah-kaedah ini bagi setiap kategori Peserta Penjelasan, suatu pemohon untuk penerimaan masuk di bawah mana-mana kategori, tidak boleh diterima masuk melainkan pemohon itu dapat meyakinkan Pusat Penjelasan bahawa pemohon itu adalah sesuai untuk menjalankan fungsi dan operasi sebagai Peserta Penjelasan bagi Pusat Penjelasan.
- (b) Bagi menentukan sama ada pemohon tersebut sesuai, Pusat Penjelasan boleh mengambil kira semua pertimbangan sedemikian menurut budi bicara mutlaknyanya yang difikirkan sesuai termasuklah, tetapi tidak terhad kepada yang berikut:
  - (i) Integriti kewangan;
  - (ii) Ketiadaan sabitan atau liabiliti awam;
  - (iii) Kebolehcetakan;
  - (iv) Reputasi dan ciri yang baik;
  - (v) Kecekapan dan kejujuran;
  - (vi) Skop pemberian kuasa di bawah mana-mana undang-undang Malaysia, atau pihak pengawalseliaan berkuasa di Malaysia;
  - (vii) Keupayaan operasi, termasuklah kakitangan yang terlatih secukupnya, keupayaan memproses data dan premis yang bersesuaian; dan
  - (viii) Kehendak kewangan minimum sebagaimana yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan.

### 2.5A TIADA OBLIGASI UNTUK MELANTIK

Pusat Penjelasan tidak mempunyai obligasi untuk menerima masuk semua orang yang layak di bawah Kaedah 2.5 untuk menjadi Peserta Penjelasan. Mana-mana orang yang terkilan kerana tidak dimasukkan sebagai Peserta Penjelasan boleh merayu secara bertulis kepada Pusat Penjelasan. Apabila rayuan dibentangkan, orang sedemikian hendaklah patuh kepada keputusan Pusat Penjelasan yang keputusannya adalah muktamad dan mengikat ke atas orang itu.

## 2.6 PENEPIAN KRITERIA ATAU STANDARD

Pusat Penjelasan boleh mengetepikan apa-apa kriteria atau standard bagi mana-mana pemohon sama ada tanpa syarat atau tertakluk kepada syarat sebagaimana yang dianggap sesuai dalam keadaan itu, jika Pusat Penjelasan menetapkan bahawa kriteria atau standard tersebut, sebagaimana yang terpakai bagi pemohon sedemikian, adalah syarat yang keterlaluan atau tidak seimbang atau, bahawa perlakuan pemohon tersebut tidak akan bertentangan dengan kepentingan terbaik Pusat Penjelasan atau Peserta Penjelasan lain dan/atau operasi yang cekap, bagi mana-mana perkhidmatan atau kemudahan Pusat Penjelasan.

## 2.7 PENERIMAAN PERMOHONAN

Jika Pusat Penjelasan memutuskan untuk menerima masuk pemohon, pemohon itu hendaklah diberitahu secara bertulis dan hendaklah, tertakluk kepada Kaedah-kaedah, menjadi Peserta Penjelasan di bawah kategori yang berkaitan dengan permohonan yang dibuat.

## 2.8 PERMOHONAN YANG DITOLAK

Jika permohonan untuk penerimaan masuk sebagai Peserta Penjelasan tidak diluluskan oleh Pusat Penjelasan, pemohon tersebut hendaklah diberitahu sedemikian secara bertulis. Untuk mengelakkan keraguan, Pusat Penjelasan tidak perlu memberikan apa-apa sebab atau alasan bagi keputusannya.

## 2.9 SYARAT TERDAHULU

Melainkan dipersetujui sebaliknya oleh Pusat Penjelasan, apabila pemohon diterima sebagai Peserta Penjelasan di bawah mana-mana kategori yang berkaitan dengan permohonan yang dibuat, Peserta Penjelasan sedemikian tidak seharusnya dibenarkan untuk menggunakan perkhidmatan atau kemudahan Pusat Penjelasan yang disediakan untuk Peserta Penjelasan, sehinggalah Peserta Penjelasan:

- (a) mengikat Perjanjian yang relevan bagi kategori Peserta Penjelasan tersebut, sekiranya terpakai;
- (b) membayar kepada Pusat Penjelasan semua fi permohonan, fi penerimaan masuk dan caj lain yang dikenakan oleh Pusat Penjelasan dan terpakai bagi kategori Peserta Penjelasan yang sedemikian; dan
- (c) telah mematuhi syarat lain yang seumpamanya yang boleh dikenakan oleh Pusat Penjelasan menurut budi bicaranya apabila meluluskan permohonan.

## 2.10 AKU JANJI OLEH PESERTA PENJELASAN

Setiap Peserta Penjelasan mengaku janji kepada Pusat Penjelasan bahawa:

- (a) Peserta Penjelasan itu akan mematuhi semua undang-undang, dekri, peraturan, apa-apa arahan kerajaan, arahan daripada pihak berkuasa kompeten, mahkamah atau tribunal, yang terpakai kepadanya atau kepada penyertaannya dalam apa-apa perkhidmatan atau kemudahan Pusat Penjelasan;
- (b) Peserta Penjelasan itu akan mematuhi Kaedah-kaedah, Prosedur Operasi, arahan, arahan perintah, atau nota amalan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Pusat Penjelasan, yang berkaitan dengan mana-mana perkhidmatan dan kemudahan Pusat Penjelasan, sama ada yang bersifat kekal atau sementara;
- (c) Peserta Penjelasan itu akan memberitahu Pusat Penjelasan akan apa-apa perubahan dalam butiran yang dibekalkan kepada Pusat Penjelasan semasa membuat permohonan untuk penerimaan masuk sebagai Peserta Penjelasan atau pada bila-bila masa selepas itu;
- (d) Peserta Penjelasan itu akan memberitahu Pusat Penjelasan dengan serta-merta apabila menyedari adanya sekatan yang dikenakan ke atasnya oleh mana-mana pihak berkuasa pengawalseliaan yang Peserta Penjelasan itu tertakluk di bawahnya, atau oleh mana-mana pihak berkuasa kerajaan, jabatan kerajaan atau badan kerajaan yang lain, mahkamah atau tribunal, atau mana-mana pihak berkuasa yang kompeten yang

boleh menjejaskan penyertaannya dalam mana-mana perkhidmatan atau kemudahan atau operasi Pusat Penjelasan;

- (e) Peserta Penjelasan itu akan memberitahu Pusat Penjelasan dengan serta-merta apabila menyedari, apa-apa petisyen telah dikemukakan bagi kebankrapannya atau penggulangannya atau apa-apa perintah kebankrapan atau penggulangan yang dibuat terhadapnya, apa-apa mesyuarat yang diadakan untuk mempertimbangkan penggulangan sukarela atau kelulusan resolusi sedemikian, pelantikan atau yang bertujuan melantik penerima atau pengurus yang berkaitan dengan mana-mana asetnya, apa-apa perubahan dalam kedudukan kewangannya yang boleh menyebabkan ketakupayaannya untuk memenuhi apa-apa obligasinya terhadap Pusat Penjelasan atau penggulangannya, kebankrapannya, atau pelantikan penerima atau pengurus yang berkaitan dengan mana-mana hartanya, atau apa-apa perubahan lain dalam keadaannya yang boleh menjejaskan atau yang material terhadap penyertaannya dalam mana-mana perkhidmatan atau kemudahan Pusat Penjelasan.

## 2.11 BUKU DAN REKOD

Peserta Penjelasan hendaklah menyenggara Buku dan Rekod dengan butir yang mencukupi bagi semua transaksi dan perkara lain yang berkaitan dengan apa-apa aktiviti dan/atau yang berkaitan dengan aktiviti sedemikian dalam apa-apa perkhidmatan atau kemudahan yang disediakan oleh Pusat Penjelasan untuk Peserta Penjelasan.

## 2.12 PENAMATAN PENYERTAAN

- (a) Tertakluk sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam Kaedah-kaedah ini atau Perjanjian, Pusat Penjelasan boleh pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis yang tidak kurang dari tiga puluh (30) Hari Pasaran, menamatkan penyertaan Peserta Penjelasan dalam mana-mana satu atau lebih atau semua perkhidmatan dan/atau kemudahan yang disediakan oleh Pusat Penjelasan untuk Peserta Penjelasan.
- (b) Tertakluk sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam Kaedah-kaedah ini, dan tanpa mengambil kira apa-apa yang diberikan dalam Perjanjian, mana-mana Peserta Penjelasan boleh, dengan memberikan notis bertulis yang tidak kurang dari tiga puluh (30) Hari Pasaran kepada Pusat Penjelasan, menamatkan penyertaan Peserta Penjelasan dalam semua atau mana-mana satu atau lebih perkhidmatan dan/atau kemudahan yang disediakan oleh Pusat Penjelasan dan penamatan berkuat kuasa pada mana-mana keadaan yang berikut:
- (i) tamat tempoh notis itu; atau
- (ii) apabila Peserta Penjelasan bukan lagi kaunterparti dalam Kontrak Yang Dinovasi (jika terpakai) dan tidak ada obligasi atau liabiliti selanjutnya yang terhutang oleh Peserta Penjelasan kepada Pusat Penjelasan berkaitan dengan perkhidmatan atau kemudahan yang relevan,
- mengikut mana-mana yang terkemudian.
- (c) Pusat Penjelasan boleh, atas budi bicara mutlakanya, menolak daripada menerima apa-apa notis penamatan yang diberikan oleh Peserta Penjelasan, atau menolak notis sedemikian selepas diberikan tetapi sebelum berkuat kuasa, jika Pusat Penjelasan menganggap apa-apa perkara yang menjejaskan Peserta Penjelasan perlu disiasat di bawah prosedur disiplin atau atas apa-apa sebab lain.

## 2.13 PENAMATAN PENYERTAAN SERTA-MERTA

Tanpa prejudis terhadap apa-apa hak yang dimilikinya di bawah Kaedah-kaedah atau Perjanjian, sekiranya terpakai, dan tanpa mengambil kira apa-apa pun yang sebaliknya dalam Kaedah-kaedah atau Perjanjian, sekiranya terpakai, Pusat Penjelasan boleh, dengan serta-merta melalui notis bertulis menamatkan penyertaan Peserta Penjelasan dalam mana-mana satu atau lebih atau semua perkhidmatannya dan kemudahannya, jika:

- (a) Pusat Penjelasan menganggap, menurut budi bicara mutlaknyanya bahawa apa-apa kelewatan dalam penamatan penyertaan Peserta Penjelasan akan menjejaskan atau memudaratkan secara material kepentingan Pusat Penjelasan atau Peserta Penjelasan lain atau akan mendatangkan kesan memudaratkan ke atas apa-apa operasinya atau perkhidmatannya atau kemudahannya; atau
- (b) sekiranya:-
  - (i) Peserta Penjelasan yang menamatkan perniagaan atau sebahagian besar daripadanya dalam penentuan Pusat Penjelasan; atau
  - (ii) Peserta Penjelasan tertakluk kepada dapatan memudaratkan oleh mana-mana badan pengawalseliaan atau pihak berkuasa kompeten, dengan Peserta Penjelasan tertakluk di bawahnya; atau
  - (iii) Peserta Penjelasan yang mempunyai apa-apa lesen, kuasa, kebenaran, kekecualian, penguatkuasaan atau keizinan lain yang seumpamanya untuk menjalankan perniagaannya, telah ditarik balik, digantung, atau dibatalkan oleh mana-mana pihak berkuasa atau badan pengawalseliaan kompeten, dengan Peserta Penjelasan tertakluk di bawahnya; atau
  - (iv) berlaku kebangkrutan, penggulungan, pencairan atau permulaan apa-apa prosiding yang berkaitan dengannya atau jika Pusat Penjelasan menurut budi bicara mutlaknyanya menganggap bahawa keadaan yang berlaku adalah pasti atau berkemungkinan berlaku; atau
  - (v) pelantikan penerima atau pengurus bagi aset atau harta Peserta Penjelasan atau jika Peserta Penjelasan mengalami komposisi dengan pemiutang atau jika skema pengaturan diluluskan oleh mahkamah atau jika Pusat Penjelasan menganggap, menurut budi bicara mutlaknyanya bahawa berlakunya keadaan sedemikian adalah pasti atau berkemungkinan berlaku; atau
  - (vi) apa-apa distres, pelaksanaan, atau proses lain yang dilevikan atau dikuatkuasakan atau dikenakan ke atas atau terhadap Peserta Penjelasan.

## 2.14 KESAN PENAMATAN

- (a) Jika pada bila-bila masa selepas penerimaan apa-apa notis untuk penamatan daripada seorang Peserta Penjelasan tetapi sebelum notis sedemikian berkuat kuasa, Pusat Penjelasan mempunyai budi bicara mutlak bagi menolak untuk menerima apa-apa arahan atau melaksanakan apa-apa transaksi yang melibatkan Peserta Penjelasan jika Pusat Penjelasan menganggap adalah patut untuk kepentingan Pusat Penjelasan, Peserta Penjelasan lain atau jika yang sedemikian akan mendatangkan kesan memudaratkan terhadap apa-apa perkhidmatan atau kemudahan yang disediakan oleh Pusat Penjelasan untuk Peserta Penjelasan itu.
- (b) Penamatan bagi penyertaan dalam mana-mana satu atau lebih atau semua perkhidmatan Pusat Penjelasan bagi suatu Peserta Penjelasan, atas apa-apa sebab sekalipun, tidak seharusnya menjejaskan hak Pusat Penjelasan bagi menguatkuasakan atau mengambil tindakan terhadap apa-apa obligasi yang masih

terhutang kepadanya yang timbul daripada apa-apa perkara yang telah berlaku sebelum tarikh kuat kuasa penamatan sedemikian.

- (c) Hak, kuasa dan remedi Pusat Penjelasan di bawah Kaedah 1.5, 1.16(d), 5.10(g), 7.17, 7.18, 8.12(k) dan 8.20 yang berkenaan dengan Peserta Penjelasan akan mengatasi penamatan atau penggantungan Peserta Penjelasan sebagai Peserta Penjelasan.

## **2.15 PEMATUHAN KEHENDAK-KEHENDAK**

Setiap Peserta Penjelasan hendaklah:-

- (a) mematuhi dan/atau memastikan pematuhan terhadap Kaedah-kaedah dan arahanyang dikenakan oleh Pusat Penjelasan;
- (b) menyerahkan penyata bulanan, yang berdasarkan rekod perakaunan Peserta Penjelasan yang disediakan berasaskan prinsip perakaunan yang diterima umum, kepada Pusat Penjelasan, dalam bentuk sebagaimana yang boleh ditetapkan oleh Pusat Penjelasan dari semasa ke semasa dalam masa satu bulan kalendar dari Hari Pasaran terakhir bagi setiap bulan dalam tahun tersebut;
- (c) menyerahkan salinan akaun diaudit yang diperakukan kepada Pusat Penjelasan dalam masa tiga (3) bulan selepas penutupan setiap tahun kewangan atau tempoh selanjutnya sebagaimana yang Pusat Penjelasan boleh benarkan; dan
- (d) mengemukakan kepada Pusat Penjelasan apa-apa pernyataan atau laporan lain yang dikemukakan kepada Suruhanjaya atau Bursa pada masa pernyataan atau laporan tersebut dikemukakan kepada Suruhanjaya atau Bursa, mengikut mana-mana yang berkenaan.

## **2.16 PERTIKAIAN DI ANTARA PESERTA PENJELASAN**

- (a) Apa-apa pertikaian antara Peserta Penjelasan yang berkenaan dengan penjelasan dan penyelesaian dan/atau apa-apa aktiviti dalam apa-apa perkhidmatan atau kemudahan Pusat Penjelasan, hendaklah dimaklumkan kepada Pusat Penjelasan melalui notis bertulis oleh mana-mana pihak dalam pertikaian tersebut.
- (b) Peserta Penjelasan tidak seharusnya beralih kepada mana-mana tribunal luar atau mahkamah undang-undang untuk penentuan apa-apa pertikaian sedemikian, melainkan Pusat Penjelasan atas apa-apa sebab sekalipun gagal menyatakan, sama ada atau tidak bersedia untuk bertindak dalam perkara pertikaian tersebut dalam tempoh masa tiga puluh (30) dari tempoh penerimaan notis bertulis berkenaan apa-apa pertikaian, daripada mana-mana pihak dalam pertikaian tersebut.
- (c) Jika Pusat Penjelasan bercadang untuk bertindak dalam mana-mana pertikaian sedemikian, Pusat Penjelasan hendaklah memberitahu pihak atau pihak-pihak dalam pertikaian yang memberikan notis yang dirujuk dalam subkaedah (a) dalam masa tiga puluh (30) hari. Jika Pusat Penjelasan gagal memberitahu pihak atau pihak-pihak sedemikian dalam masa tiga puluh (30) hari maka, pihak-pihak dalam pertikaian hendaklah bebas untuk beralih kepada mana-mana tribunal luar atau mahkamah undang-undang untuk penentuan pertikaian itu.
- (d) Jika Pusat Penjelasan bercadang untuk bertindak sebagaimana yang disebutkan sebelum ini dan memberikan notis sebagaimana yang disebutkan sebelum ini dalam masa tiga puluh (30) hari, Pusat Penjelasan boleh melantik atas budi bicara mutlaknya satu atau lebih penimbang tara untuk tujuan mengadjudikasi pertikaian tersebut, jika pihak-pihak dalam pertikaian tidak dapat mencapai persetujuan bagi penyelesaian perkara yang dipertikaikan.

- (e) Mana-mana penimbang tara atau penimbang tara-penimbang tara yang dilantik oleh Pusat Penjelasan menurut sub-kaedah (d) hendaklah menimbang tara dalam perkara yang dipertikaikan menurut peruntukan, dan dengan semua kuasa kebiasaan penimbang tara yang dilantik menurut Akta Timbang Tara 1952 dan apa-apa ubah suaian berkanun ke atasnya pada masa berkuat kuasa dan keputusan timbang tara oleh penimbang tara atau penimbang tara-penimbang tara sedemikian hendaklah muktamad dan mengikat ke atas pihak-pihak dalam pertikaian itu.

## **2.17 PERCANGGAHAN ANTARA KAEDAH-KAEDAH DENGAN PERJANJIAN**

Sekiranya berlaku apa-apa perselisihan atau percanggahan antara Kaedah-kaedah ini dengan Perjanjian, Kaedah-kaedah ini akan terpakai setakat perselisihan atau percanggahan itu.

## **BAB 2**

### **SEKSYEN A**

## **PESERTA PENJELASAN PERDAGANGAN**

#### **A2.1 PERMOHONAN DARI LUAR MALAYSIA**

Apabila permohonan sebagai Peserta Penjelasan adalah dari luar Malaysia, Pusat Penjelasan boleh mempertimbangkan kelayakannya sebagai Peserta Penjelasan dengan kriteria yang ditetapkan yang boleh ditentukan oleh Pusat Penjelasan dari semasa ke semasa.

#### **A2.2 CARUMAN KEPADA DANA JAMINAN PENJELASAN**

Setiap Peserta Penjelasan Perdagangan hendaklah mencarum kepada Dana Jaminan Penjelasan yang boleh ditubuhkan dan ditadbir oleh Pusat Penjelasan. Pusat Penjelasan boleh, setelah berunding dengan Suruhanjaya, memberikan arahan yang berkaitan dengan Dana Jaminan Penjelasan dari semasa ke semasa.

#### **A2.3 PENYUMBERLUARAN PESERTA PENJELASAN PERDAGANGAN**

- (a) Peserta Penjelasan Perdagangan yang menyumberluarkan Fungsi Penjelasan dan Penyelesaiannya hendaklah mematuhi Kaedah-kaedah ini dan Buku Panduan Pelesenan Suruhanjaya seolah-olah Peserta Penjelasan Perdagangan ialah pemegang CMSL yang disebut dalam Buku Panduan Pelesenan Suruhanjaya.
- (b) Peserta Penjelasan Perdagangan mesti memastikan bahawa Penyedia Perkhidmatan mematuhi Kaedah-kaedah yang terpakai kepada fungsi yang disumberluarkan dalam cara yang sama sebagaimana yang dikehendaki bagi Peserta Penjelasan Perdagangan.
- (c) Peserta Penjelasan Perdagangan tetap bertanggungjawab terhadap semua Fungsi Penjelasan dan Penyelesaian yang disumberluarkan dan akan dipertanggungjawabkan terhadap apa-apa tindakan atau peninggalan oleh pihak Penyedia Perkhidmatan yang menyebabkan pelanggaran Kaedah-kaedah ini.
- (d)
  - (i) Kaedah ini tidak terpakai bagi Peserta Penjelasan Perdagangan yang merupakan Bank Pelaburan.
  - (ii) Peserta Penjelasan Perdagangan yang merupakan Bank Pelaburan sebaliknya hendaklah memastikan agar mematuhi Garis Panduan bagi Bank Pelaburan dan kehendak-kehendak lain Bank Negara yang seumpamanya yang berkaitan dengan perkara tersebut.

#### **A2.4 BANK PELABURAN**

Berkaitan dengan Peserta Penjelasan Perdagangan yang telah memperoleh status Bank Pelaburan selepas penerimaan masuknya sebagai Peserta Penjelasan Perdagangan di bawah Bab 2 Kaedah-kaedah ini, Peserta Penjelasan Perdagangan tersebut hendaklah memberitahu Pusat Penjelasan secara bertulis akan perkara yang sama sekurang-kurangnya tujuh (7) hari (atau masa lain yang sedemikian sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Pusat Penjelasan)



sebelum memulakan perniagaannya sebagai Bank Pelaburan, dengan pemberitahuan berkenaan dengannya hendaklah disertai maklumat atau Dokumen sebagaimana yang dikehendaki oleh Pusat Penjelasan.

## **A2.5 KEHENDAK KEWANGAN MINIMUM**

Setiap Peserta Penjelasan Perdagangan hendaklah mematuhi kehendak kewangan minimum yang dikenakan oleh Bursa, sebagaimana yang boleh dipinda, dipelbagaikan, diubah suai, ditambah baik atau digantikan, dari semasa ke semasa, seolah-olah Peserta Penjelasan Perdagangan ialah Organisasi Peserta yang dirujuk dalam Kaedah-kaedah Bursa. Kehendak sedemikian hendaklah disifatkan membentuk sebahagian daripada Kaedah-kaedah ini.

## BAB 2

### SEKSYEN B

### PESERTA PENJELASAN BUKAN PERDAGANGAN

#### B2.1 KRITERIA KELAYAKAN BAGI PESERTA PENJELASAN BUKAN PERDAGANGAN

Selain daripada kriteria umum untuk penerimaan masuk sebagaimana yang ditetapkan dalam Bahagian Am Bab ini, suatu pemohon untuk penerimaan masuk sebagai Peserta Penjelasan Bukan Perdagangan hendaklah memastikan bahawa:

- (a)
  - (i) pemohon ialah sebuah organisasi yang menjalankan perniagaan perkhidmatan kewangan dengan menyediakan kemudahan dan perkhidmatan jagaan selamat yang berkaitan dengan Sekuriti yang tersenarai dan didagangkan di Bursa; ATAU
  - (ii) pemohon ialah sebuah organisasi yang diberi kuasa atau berlesen di bawah undang-undang Malaysia untuk terlibat dalam perniagaan pelaburan (secara langsung atau tidak langsung) dan organisasi sedemikian melabur dalam Sekuriti yang tersenarai dan didagangkan di Bursa bagi akaunnya sendiri dan/atau untuk akaun pelanggan atau pihak lain; DAN
- (b)
  - (i) pemohon ialah sebuah organisasi yang mempunyai modal berbayar tidak kurang daripada RM2 juta, jika organisasi ini adalah sebuah syarikat berhad dengan syer atau jaminan yang tidak kurang daripada RM2 juta, atau jumlah lain yang seumpamanya sebagaimana yang boleh ditetapkan oleh Pusat Penjelasan dari semasa ke semasa; ATAU
  - (ii) pemohon adalah sebuah organisasi berkanun atau pihak berkuasa Malaysia atau mana-mana negeri di Malaysia; DAN
- (c) pemohon adalah sebuah organisasi yang merupakan Anggota Terus Bertauliah bagi Depositori Pusat sebagaimana yang ditakrifkan dalam Kaedah-kaedah Depositori.

#### B2.2 ORGANISASI YANG TERLIBAT DALAM PERNIAGAAN PELABURAN

Untuk menentukan bahawa sesebuah organisasi termasuk dalam kriteria Kaedah B2.1 (a) di atas, organisasi itu hendaklah memuaskan Pusat Penjelasan bahawa organisasi itu termasuk dalam salah satu daripada yang berikut:

- (a) sebuah badan korporat yang diperbadankan di dalam Malaysia dan melalui notis yang dinyatakan dalam warta, diisytiharkan sebagai pihak berkuasa awam atau agensi Kerajaan Malaysia atau mana-mana negeri di Malaysia dan terlibat dalam perniagaan pelaburan;
- (b) sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Parlimen dan terlibat dalam perniagaan pelaburan;
- (c) sebuah bank berlesen di bawah Akta Perbankan Islam 1983 atau sebuah bank, bank saudagar atau syarikat kewangan berlesen di bawah Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989;

- (d) sebuah dana unit amanah yang diluluskan oleh Suruhanjaya atau sebuah perbadanan pengurusan aset yang dilesenkan sewajarnya di bawah Akta;
- (e) sebuah penerbit dalam maksud Seksyen 2 (1) (c) Akta Insurans 1963 yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah Insurans dan terlibat dalam perniagaan pelaburan; atau
- (f) mana-mana organisasi yang dalam perjalanan biasa urusan terlibat dalam perkhidmatan kewangan dan/atau memegang atau menguruskan pelaburan atau Sekuriti yang tersenarai dan didagangkan di Bursa melalui lesen atau di bawah status dikecualikan yang diberikan oleh Suruhanjaya atau pihak berkuasa pengawalseliaan yang lain di bawah mana-mana undang-undang Malaysia.

### **B2.3 BUDI BICARA UNTUK MENERIMA MASUK**

Apabila pemohon tidak memenuhi mana-mana satu atau lebih kriteria penerimaan masuk di bawah Kaedah B2.1, pemohon masih boleh menyerahkan permohonan, dan Pusat Penjelasan boleh menurut budi bicara mutlaknya mempertimbangkan permohonan sedemikian. Pusat Penjelasan boleh menerima masuk pemohon yang sedemikian sama ada tanpa syarat atau tertakluk kepada syarat-syarat sedemikian sebagaimana yang dianggap perlu oleh Pusat Penjelasan dalam keadaan itu.

### **B2.4 PENYUMBERLUARAN OLEH PESERTA PENJELASAN BUKAN PERDAGANGAN**

- (a) Peserta Penjelasan Bukan Perdagangan yang menyumberluarkan Fungsi Penjelasan dan Penyelesaiannya kepada Penyedia Perkhidmatan hendaklah mematuhi syarat yang ditetapkan dalam Kaedah B2.4 ini.
- (b) Peserta Penjelasan Bukan Perdagangan hendaklah memastikan pematuhan Penyedia Perkhidmatan, akan semua kehendak yang relevan yang dinyatakan dalam mana-mana peruntukan dalam Kaedah-kaedah ini, perjanjian antara Peserta Penjelasan Bukan Perdagangan dengan Pusat Penjelasan dan arahan yang dikeluarkan oleh Pusat Penjelasan.
- (c) Peserta Penjelasan Bukan Perdagangan tetap dipertanggungjawabkan terhadap semua Fungsi Penjelasan dan Penyelesaian yang disumberluarkan dan akan dipertanggungjawabkan terhadap apa-apa tindakan atau peninggalan di pihak Penyedia Perkhidmatan yang menyebabkan pelanggaran Kaedah-kaedah ini.
- (d) Peserta Penjelasan Bukan Perdagangan hendaklah mempunyai polisi insurans untuk melindunginya terhadap apa-apa liabiliti, ganti rugi atau kerugian yang timbul daripada apa-apa tindakan atau peninggalan di pihak Penyedia Perkhidmatan dalam melaksanakan Fungsi Penjelasan dan Penyelesaian tersebut.
- (e) Peserta Penjelasan Bukan Perdagangan hendaklah memastikan yang Pusat Penjelasan atau ejennya, pada setiap masa mempunyai akses kepada dan dibenarkan membuat salinan Buku Peserta Penjelasan Bukan Perdagangan atau Penyedia Perkhidmatan. Peserta Penjelasan Bukan Perdagangan hendaklah mendapatkan kebenaran bertulis menerusi surat akujanji daripada Penyedia Perkhidmatan untuk membenarkan Pusat Penjelasan atau ejennya melaksanakan kuasanya sebagaimana yang dinyatakan di atas.
- (f) Peserta Penjelasan Bukan Perdagangan hendaklah memberitahu Pusat Penjelasan dalam masa 2 minggu dari tarikh tandatangan perjanjian yang relevan yang menentukan terma dan syarat pengaturan penyumberluaran, termasuklah apabila terpakai, perjanjian yang menentukan terma dan syarat bagi sub-kontrak Fungsi

Penjelasan dan Penyelesaian kepada Penyedia Perkhidmatan yang lain (“perjanjian aras perkhidmatan yang relevan”).

- (g) Peserta Penjelasan Bukan Perdagangan hendaklah, berkaitan dengan penyumberluaran Fungsi Penjelasan dan Penyelesaian, memberitahu Pusat Penjelasan akan:
- (i) penamatan atau pengubahan perjanjian aras perkhidmatan yang relevan; atau
  - (ii) apa-apa perkembangan yang memudaratkan yang timbul daripada atau yang berkaitan dengan pengaturan penyumberluaran yang boleh menjejaskan dengan ketara Peserta Penjelasan Bukan Perdagangan,

dalam masa dua (2) minggu dari tarikh berlakunya kejadian sedemikian.

**PENYERTAAN PESERTA PENJELASAN**

Borang Permohonan di bawah Bab 2 Kaedah-kaedah Pusat  
Penjelasan untuk penerimaan masuk sebagai Peserta  
Penjelasan

(Nama/Alamat/ No. Pendaftaran Syarikat)  
(Tarikh)

Kepada Lembaga Pengarah

Bursa Malaysia Securities Clearing Sdn Bhd

Tuan/Puan,

**PERMOHONAN PENYERTAAN PESERTA PENJELASAN**

---

Kami (Nama Perbadanan) \_\_\_\_\_  
berhasrat untuk diterima masuk sebagai Peserta Penjelasan Bursa Malaysia Securities Clearing Sdn.  
Bhd. (Pusat Penjelasan), menurut terma dan, di bawah dan, tertakluk kepada, dalam semua perkara  
perlembagaan dan Kaedah-kaedahnya, yang pada masa ini atau kemudian dari ini boleh, selagi  
berkuat kuasa dan apa-apa perjanjian, yang waadnya adalah sebagaimana yang boleh ditentukan oleh  
Pusat Penjelasan.

Maka dengan ini, kami mengaku janji untuk terikat dalam semua perkara oleh, dan mematuhi  
perlembagaan, Kaedah-kaedah dan Perjanjian tersebut.

Yang benar

(Hendaklah dilaksanakan  
di bawah Meterai Rasmi Perbadanan  
menurut Memorandum dan Perkara-perkara  
Persatuan Perbadanan)

(Meterai Rasmi)

\_\_\_\_\_

Disaksikan oleh

\_\_\_\_\_  
(Pengarah)

\_\_\_\_\_  
(Pengarah/Setiausaha)